

AL-AZHAR - KIBLAT PENGAJARAN DUNIA ISLAM

(Dipetik dari Majalah News Review)

(Oleh: M. S. Muhammad)

Al-Azhar University ialah sebuah sekolah tinggi yang tertua sekali di dalam dunia yang telah didirikan pada tahun Masihi 969. Universiti ini sebagai pusat kebudayaan dan pelajaran orang-orang Islam yang telah terdiri beberapa ratus tahun dahulu daripada Oxford dan Cambridge University. Dari semenjak beberapa lama zaman kemajuan Islam, guru-guru di Universiti ini telah mengajar kepada penuntut-penuntutnya perkara undang-undang negeri dan agama.

Segala ilmu ajaran-ajaran itu telah dibawa oleh mereka balik ke negeri masing-masing. Universiti ini telah dibangunkan mula-mula seperti masjid, iaitu masjid yang pertama didirikan di bandar Kaherah oleh orang-orang Tunis yang telah menaklukkan negeri Mesir sehingga sekarang masjid itu dipanggil al-Jamek Al-Azhar ertinya masjid yang cantik sekali.

-----*-----*-----

Lepas daripada zaman Salahuddin menaklukkan Mesir, di dalam kurun yang kedua belas (XII) orang-orang Islam di Asia telah berduyun-duyun datang belajar ke sana iaitu setelah sekolah dan masjid-masjid mereka dibinasakan oleh bangsa Mongol. (Mongolia).

Dari semenjak itu banyaklah perubahan yang telah berlaku kepada masjid itu umpamanya, menara-menara banyak runtuh disebabkan akibat gempa bumi, tembok-temboknya rosak oleh peluru-peluru meriam Napoleon masa menyerang negeri itu.


Tambahan pula negeri itu telah berkali-kali beralih tangan diperintahkan oleh beberapa kerajaan.

Penuntut-penuntut boleh memilih apa-apa cawangan pelajaran

yang disukai, apabila mereka telah pandai baharulah mereka cuba mengajar pula kepada orang-orang yang suka belajar kepadanya. Dengan jalan ini akhirnya mereka terlatih hingga menjadi seorang guru.

-----*-----*-----

Pada masa 70 tahun yang lalu pendeta-pendeta yang mengajar di universiti ini, telah terasa benar pelajaran yang telah diajarkan patutlah diubah, perubahan ini telah dijalankan pada tahun 1871 apabila as-Syed Jamaluddin al-Afghani tiba di Mesir, selama 8 tahun disana, ia telah dapat mempengaruhi sekalian penuntut-penuntut yang baharu. Beberapa lama kemudian apabila



Menara masjid Jamek Al-Azhar yang masyhur di Mesir itu. Pelajaran di dalam Al-Azhar ini ada dua - 1. Pelajaran cara lama; 2. Pelajaran cara baharu iaitu mengikut kaedah-kaedah persekolahan.

beliau diusir keluar dari negeri. Maka pengajarannya telah disambung oleh pengikutnya “as-Syeikh Muhammad Abduh” iaitu seorang yang sangat usaha dan sabar serta menjadi pengarang kepada akhbar “al-Waqi’ al-Misriah” hingga akhirnya beliau menjadi Mufti Mesir. Beliau sangat tertarik hati hendak mencari jalan yang sempurna bagi memajukan Islam dan semangat kesedaran kepada pemeluk-pemeluknya.

Pelajaran-pelajaran di dalam Universiti itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:-

1. Usuluddin (Theology)
2. Undang-undang (Law)
3. Bahasa Arab


Tiap-tiap seorang penuntut akan menerima surat syahadah (Degree) setelah menghabiskan pelajarannya selama 4 tahun dalam masa 4 tahun lagi pula menghabiskan tempohnya kerana mengulang kaji membetulkan balik pelajarannya.

Mana penuntut yang suka hendak menuntut ilmu kerana mencari ilmu bolehlah duduk seumur hidup di sini, iaitu mempelajari buku-buku atau kitab-kitab yang ada di dalam kutub khanah-kutub khanah, majalah-majalah dan kitab-kitab yang sedikit tidak kurang

dari 100,000 buah. Di sana ada diajarkan “Metaphysics” penyelidikan sesuatu perkara atau pengetahuan yang betul.) “Astronomy” (ilmu bintang-bintang), “Al-Chemy” (ilmu ramuan-ramuan) algebra dan ilmu sains iaitu ilmu yang telah diajarkan oleh orang-orang Arab kepada dunia.

Al-Azhar mendapat bantuan wang daripada kerajaan Mesir pada tiap-tiap tahun sebanyak 350, 000 Paun selain daripada itu ada juga mendapat beribu-ribu Paun daripada orang-orang Muslimin yang murah hati daripada segala tempat.

Penuntut-penuntut tiada dibenarkan berpakaian cara Barat, dan keadaan perjalanan sekolah tinggi itu tetap secara tua tetapi pengaruhnya yang lebih hebat sampai ke dalam Dewan Mesyuarat (Parlimen). Baharu-baharu ini masa Dewan Mesyuarat mengadakan satu undang-undang menahan keburukan berkahwin banyak dan tidak bersetujukan bercerai-berai, maka segala undang-undang yang tersebut terpaksa ditarik balik walaupun tujuan undang-undang itu ialah hendak membuang sebab-sebab yang besar yang merosakkan pergaulan hidup tetapi pihak universiti telah menjawab: “Manusia tidak boleh mengubah dan menarik apa yang telah ditetapkan oleh Tuhan”.



Permandangan dihadapan bangunan Universiti Fouad al-Awal di Mesir. Ahli-ahli universiti ini kerap kali kita dengar mengambil bahagian di dalam perarakan-perarakan yang bersabit dengan siasah.

Apabila pecah pergaduhan politik sama sendiri maka terbitlah pula satu persekutuan yang baharu bernama “al-Ikhwan al-Muslimin” (Persaudaraan Muslim).

Mula jadinya persaudaraan ialah sebagai sebuah persekutuan pemuda Islam di Ismailiyyah, iaitu kira-kira pada 16 tahun dahulu di bawah panduan “as-Syeikh Hassan al-Banna” iaitu guru muda yang tinggi hemah keluaran dari sekolah tinggi Al-Azhar.

Apabila ia bertukar ke al-Kaherah lalu

diluaskan gerakannya itu hingga menjadi satu persekutuan yang mencampuri hal politik dan ia telah menyokong juga pergerakan yang telah dijalankan oleh Mufti Besar Palestin “al-Haji Muhammad Amin al-Husaini”.

Pada masa peperangan yang baharu lepas ini, “Syeikh Hassan” telah dituduh memungut rahsia pasukan Berikat dan telah ditahan, dan apabila selesai peperangan maka ia telah membangkitkan perasaan tiada puas hati di antara beribu-ribu orang yang berkerja dengan askar yang telah terbuang daripada pekerjaannya oleh sebab berhenti peperangan itu.

Syeikh Hassan ini seorang yang tenang, sabar dan bijak bercakap ia menentuakan satu persekutuan yang mengandungi

ahli seramai 1,000,000 orang iaitu dalam Mesir dan seluruh Semenanjung Arab hingga dapat ia mengeluarkan suatu akhbar harian, mempunyai beberapa tempat ubat-ubat dan sekolah-sekolah.

Syeikh Hassan al-Banna telah terbunuh apabila terbit perselisihan-perselisihan faham yang hebat di atas siasah-siasah dalam Mesir, kerap kali ketua-ketua parti yang lain datang bertanya faham kepadanya berhubung di dalam masalah politik.

Pendidikan setelah 30 tahun lamanya universiti ini mencampuri politik boleh jugalah pada suatu hari yang akan datang berbalik kepada tujuannya yang asal jadi pusat pelajaran sahaja tetapi selagi berkuasa di dalam perkara agama sudah tentu ia berkuasa di atas dunia Islam.

TUHANKU!

(oleh: Ramlimah)

Tuhanku.....!

Hatiku sangat meradang...

Darah keagamaanku mendidih berkocak-kocak
melihat manusia ramai-ramai mengangkat senjata
hendak memerangi-Mu....

Kerana mengganti tempat-Mu,

dengan sesuatu yang lebih berkuasa, konon!

Bermati-mati mengata kamu tiada wujud

Wahai.....itu manusia-manusia semua sudah gila
otak cair berlendir....

Membuat teori hawa nafsu:

“.....bahawa kekal, tetap, abadi adalah pengertian waktu
dan waktu adalah pengertian ukuran,
dan ukuran ditetapkan oleh manusia”

Tidak!..., Baca! Aku pun sanggup membuat teori :-

“bahawa manusia pasti mati,

dan mati dipastikan oleh ukuran,

dan ukuran berlalu di atas masa (waktu),

dan masa itulah yang kekal, tetap, dan abadi”

maka siapakah masa???

Kalau manusia yang menetapkan masa....

Kenapa mereka takbur kuasa

menarik masa yang berlalu! Agar lambat mati!

Tuhanku.....!

Berilah aku senjata lengkap....

akan aku tangkis serangan mereka,

Dan memecahkan kumpulannya....dengan izinmu

sampai mereka tau...

Ini baharu kebolehan hamba-Nya,

betapa hebatnya pula kebolehan-Nya sendiri!

(kita memenuhi permintaan masyarakat ini kerana menjawab

faham-faham mereka-mereka yang menidakkan wujudnya tuhan - Pengarang).